

**DAIHATSU**

**TERMA DAN SYARAT AM BAGI PESANAN BELIAN  
DAN SURAT PELANTIKAN ATAU PENGAMBILAN KHIDMAT  
BAGI DAIHATSU (MALAYSIA) DAN ANAK SYARIKAT**

*Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis, Terma dan Syarat Am ini terpakai kepada setiap Pesanan Belian, Surat Pelantikan atau Surat Pengambilan Khidmat yang dikeluarkan oleh Pembeli (secara bersama, "Dokumen Pesanan").*

**1. Pemakaian dan Penerimaan.** Dokumen Pesanan merupakan tawaran Pembeli tertakluk kepada terma ini. Pembekal disifatkan menerimanya apabila menerima secara bertulis, memulakan kerja atau perkhidmatan, membuat penghantaran, atau tidak membantah secara bertulis dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas penerimaan. Apa-apa terma tambahan atau bercanggah daripada Pembekal tidak terpakai tanpa persetujuan bertulis Pembeli.

**2. Skop Harga dan Perubahan.** Pembekal hendaklah mematuhi skop, spesifikasi, harga, kuantiti, kualiti dan jadual dalam Dokumen Pesanan. Harga adalah tetap, dalam Ringgit Malaysia dan merangkumi semua kos berkaitan melainkan dinyatakan sebaliknya. Tiada perubahan atau caj tambahan dibenarkan tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pembeli.

**3. Penghantaran Pemeriksaan dan Penolakan.** Masa merupakan intipati. Pembekal hendaklah menyiapkan penghantaran atau perkhidmatan di lokasi dan dalam tempoh yang ditetapkan serta segera memaklumkan apa-apa kelewatan. Pembeli boleh menolak penghantaran atau pelaksanaan yang lewat, membatalkan keseluruhan atau sebahagian Dokumen Pesanan, dan memeriksa atau menolak barangan atau perkhidmatan yang tidak menepati spesifikasi, kuantiti, kualiti atau tujuan. Penerimaan tidak melepaskan Pembekal daripada kecacatan yang ditemui kemudian. Barangan yang ditolak hendaklah dialihkan dan diganti atas kos Pembekal. Penghantaran separa memerlukan persetujuan bertulis Pembeli.

**4. Kualiti dan Waranti.** Barangan hendaklah berada dalam keadaan baik, bebas daripada kecacatan, mematuhi undang-undang dan spesifikasi, mempunyai kualiti yang boleh diperdagangkan serta sesuai bagi tujuan yang dimaksudkan. Perkhidmatan hendaklah dilaksanakan dengan penjagaan, kemahiran dan ketekunan yang munasabah. Melainkan dinyatakan sebaliknya, waranti ialah dua belas (12) bulan dari tarikh penerimaan atau tempoh waranti pengilang, mengikut mana-mana yang lebih panjang. Pembekal hendaklah membaiki, mengganti atau membetulkan kecacatan tanpa caj; barangan gantian menerima tempoh waranti baharu.

**5. Tanggung Rugi dan Insurans.** Pembekal hendaklah menanggung rugi dan memastikan Pembeli tidak menanggung kerugian, tuntutan, liabiliti, kos atau perbelanjaan yang berpunca daripada pelanggaran, kecuaian, salah laku, barangan atau perkhidmatan cacat, pelanggaran harta intelek, tuntutan pihak ketiga atau ketidakpatuhan undang-undang. Jika berkenaan, Pembekal hendaklah mengekalkan insurans yang mencukupi dan mengemukakan bukti apabila diminta.

**6. Invois dan Pembayaran.** Pembekal hendaklah mengemukakan invois cukai yang sah, nombor Dokumen Pesanan dan dokumen sokongan. Pembayaran hanya dibuat selepas penghantaran atau pelaksanaan yang memuaskan, penerimaan oleh Pembeli serta penerimaan invois yang lengkap dan tepat, mengikut terma pembayaran dalam Dokumen Pesanan. Pembeli boleh menahan amaun yang dipertikaikan sehingga pertikaian diselesaikan.

**7. Pematuhan dan Pencegahan Rasuah.** Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang, peraturan, lesen dan keperluan berkanun yang terpakai, termasuk berkaitan pekerjaan, cukai, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pencegahan rasuah, termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Pembekal tidak boleh menawarkan, menjanjikan, memberi, meminta atau menerima apa-apa bayaran, hadiah, layanan baik atau manfaat tidak wajar untuk mempengaruhi keputusan perniagaan. Pelanggaran membolehkan Pembeli menamatkan Dokumen Pesanan serta-merta tanpa liabiliti.

**8. Kerahsiaan dan Harta Intelek.** Semua maklumat Pembeli hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran bertulis, kecuali apabila dikehendaki oleh undang-undang. Kewajipan ini berterusan selepas penyempurnaan atau penamatan. Melainkan dipersetujui sebaliknya, semua dokumen, lukisan, spesifikasi, laporan, perisian, reka bentuk dan bahan yang disediakan khusus untuk Pembeli menjadi hak milik Pembeli setelah pembayaran dibuat.

**9. Penamatan dan Keadaan Kahar.** Pembeli boleh menamatkan Dokumen Pesanan dengan notis bertulis tiga puluh (30) hari, atau serta-merta jika berlaku pelanggaran material, insolvensi, kelewatan, kecacatan berulang atau ketidakpatuhan undang-undang. Pembeli boleh mendapatkan semula bayaran bagi pembekalan yang belum dilaksanakan dan semua deposit; hak yang telah terakru tidak terjejas. Tiada pihak bertanggungjawab atas kejadian di luar kawalan munasabah jika notis segera diberikan dan kesan diminimumkan. Jika keadaan itu berterusan melebihi tiga puluh (30) hari dan menjejaskan pelaksanaan secara material, mana-mana pihak boleh membatalkan Dokumen Pesanan yang terjejas; setiap pihak menanggung kos sendiri.

**10. Peruntukan Am.** Pembekal tidak boleh menyerah hak, memindahkan atau mensubkontrakkan kewajipan tanpa kelulusan bertulis Pembeli. Dokumen Pesanan ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Pertikaian hendaklah dirunding dengan niat baik dan, jika tidak selesai dalam tiga puluh (30) hari, boleh dirujuk kepada mahkamah di Malaysia. Dokumen Pesanan, spesifikasi, lukisan dan lampirannya membentuk keseluruhan perjanjian serta menggantikan perbincangan terdahulu. Jika bercanggah, turutan keutamaan ialah: pindaan bertulis; terma Dokumen Pesanan; spesifikasi teknikal atau skop kerja; kemudian Terma dan Syarat Am ini. Kelewatan melaksanakan hak tidak menjadi penepian, dan ketidaksaan satu peruntukan tidak menjejaskan peruntukan lain.



**DAIHATSU**

**GENERAL TERMS AND CONDITIONS FOR PURCHASE ORDERS  
AND APPOINTMENT OR ENGAGEMENT LETTERS  
FOR DAIHATSU (MALAYSIA) AND ITS' SUBSIDIARIES**

*Unless otherwise agreed in writing, these General Terms and Conditions apply to each Purchase Order, Appointment Letter or Engagement Letter issued by the Purchaser (collectively, the "Order Documents").*

**1. Application and Acceptance.** An Order Document constitutes the Purchaser's offer subject to these terms. The Supplier is deemed to accept it by written acceptance, commencing work or services, making delivery, or failing to object in writing within three (3) working days after receipt. Any additional or conflicting Supplier terms do not apply without the Purchaser's written agreement.

**2. Scope Price and Changes.** The Supplier shall comply with the scope, specifications, price, quantity, quality and schedule in the Order Documents. Prices are fixed, stated in Ringgit Malaysia and inclusive of all related costs unless stated otherwise. No change or additional charge is permitted without the Purchaser's prior written approval.

**3. Delivery Inspection and Rejection.** Time is of the essence. The Supplier shall complete delivery or services at the specified place and time and promptly notify any anticipated delay. The Purchaser may reject late delivery or performance, cancel all or part of an Order Document, and inspect or reject goods or services that fail to meet the required specifications, quantity, quality or purpose. Acceptance does not release the Supplier from defects discovered later. Rejected goods shall be removed and replaced at the Supplier's cost. Partial delivery requires the Purchaser's written consent.

**4. Quality and Warranty.** Goods shall be in good condition, free from defects, compliant with law and specifications, of merchantable quality and fit for their intended purpose. Services shall be performed with reasonable care, skill and diligence. Unless stated otherwise, the warranty is twelve (12) months from acceptance or the manufacturer's applicable warranty, whichever is longer. The Supplier shall repair, replace or rectify defects at no charge; replacement goods receive a new warranty period.

**5. Indemnity and Insurance.** The Supplier shall indemnify and hold the Purchaser harmless from all losses, claims, liabilities, costs and expenses arising from breach, negligence, misconduct, defective goods or services, intellectual property infringement, third-party claims or non-compliance with law. Where applicable, the Supplier shall maintain adequate insurance and provide evidence upon request.

**6. Invoicing and Payment.** The Supplier shall submit a valid tax invoice quoting the Order Document number with all supporting documents. Payment is made only after satisfactory delivery or performance, acceptance by the Purchaser, and receipt of a complete and accurate invoice, in accordance with the payment terms in the Order Documents. The Purchaser may withhold disputed amounts until resolution.

**7. Compliance and Anti Bribery.** The Supplier shall comply with all applicable laws, regulations, licences and statutory requirements, including those relating to employment, tax, the environment, occupational safety and health, and anti-corruption, including the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009. The Supplier shall not offer, promise, give, solicit or receive any improper payment, gift, hospitality or benefit intended to influence a business decision. A breach entitles the Purchaser to terminate the Order Documents immediately without liability.

**8. Confidentiality and Intellectual Property.** All Purchaser information shall remain confidential and shall not be disclosed without written consent, except where required by law. This obligation survives completion or termination. Unless otherwise agreed, all documents, drawings, specifications, reports, software, designs and materials prepared specifically for the Purchaser become the Purchaser's property upon payment.

**9. Termination and Force Majeure.** The Purchaser may terminate an Order Document on thirty (30) days' written notice, or immediately for material breach, insolvency, delay, repeated defects or non-compliance with law. The Purchaser may recover payments for unperformed supply and all deposits; accrued rights remain unaffected. Neither party is liable for events beyond reasonable control if prompt notice is given and the effects are minimised. If the event continues for more than thirty (30) days and materially affects performance, either party may cancel the affected Order Document; each party bears its own costs.

**10. General Provisions.** The Supplier shall not assign, transfer or subcontract its obligations without the Purchaser's written approval. The Order Documents are governed by Malaysian law. Disputes shall first be negotiated in good faith and, if unresolved within thirty (30) days, may be referred to the courts of Malaysia. The Order Documents, specifications, drawings and attachments form the entire agreement and supersede prior discussions. In case of conflict, precedence is: written amendments; Order Document terms; technical specifications or scope of work; then these General Terms and Conditions. Delay in exercising a right is not a waiver, and invalidity of one provision does not affect the others.